

COVID-19: Sarawak catat 62 kes baharu, satu kematian

Astro Awani

17 Januari 2021

Nickyson Nyambar

KUALA LUMPUR : Negeri Sarawak mencatat satu kes kematian baharu berkaitan kes positif COVID-19.

Menurut laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), kes korban COVID-19 ini melibatkan seorang lelaki tempatan berumur 42 tahun yang dimasukkan ke Hospital Miri pada 13 Januari lepas.

"Ujian saringan telah dijalankan (pada kes ini) pada 14 Januari dan (keputusannya) didapati positif COVID-19 pada 16 Januari 2021.

"Kes juga mempunyai co-morbid penyakit lain seperti kencing manis, darah tinggi dan juga Hepatitis A," memetik kenyataan JPBN Sarawak.

Menurut kenyataan itu lagi, sehingga siasatan klinikal lanjut selesai dijalankan, kes ini dikategorikan sebagai kes bukan kematian yang disebabkan jangkitan COVID-19, meskipun mangsa telah didapati positif.

Justeru, jelas JPBN Sarawak, jumlah kes kematian di negeri ini kekal 19 orang atau 0.90 peratus.

Antara lain, tambah kenyataan itu, Sarawak hari ini merekodkan pertambahan 62 kes positif COVID-19 baharu.

Kluster Pasai di Sibu masih menjadi penyumbang utama dengan 34 kes dilaporkan manakala sembilan kes lain adalah hasil saringan di pusat kesihatan daerah itu.

Lain-lain daerah yang turut melibatkan Kluster Pasai, kata JPBN Sarawak ialah Beluru dan Julau masing-masing dengan penambahan dua kes.

Meradong, Dalat, Bintulu, Kapit dan Belaga pula dengan satu kes bagi setiap daerah. Memetik laporan itu lagi, daerah Meradong dan Julau di Sarikei kini telah diisytiharkan berstatus kuning.

Sementara itu, JPBN Sarawak turut memaklumkan tatacara sambutan Tahun Baharu Cina dan Chap Goh Mei di negeri itu.

Tatacara baharu ini boleh dirujuk di laman sesawang Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

"Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) telah mengemaskini Garis Panduan (SOP) sambutan Tahun Baru Cina dan Chap Goh Mei. Garis panduan (SOP) ini boleh didapati di laman web MLGH (mlgh.sarawak.gov.my)," jelas JPBN Sarawak.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-sarawak-catat-62-kes-baharu-satu-kematian-278286>